



MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR FREKUENSI 2300 MHz HINGGA 2390 MHz

ARAHAN MENTERI NO. 5 TAHUN 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] ("**Akta**"), Menteri dengan ini mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 2300 MHz Hingga 2390 MHz, Arahan Menteri No. 5 Tahun 2021**.
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 2300 MHz Hingga 2390 MHz

4. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya, Suruhanjaya diarahkan untuk melaksanakan penguntukan spektrum di dalam jalur frekuensi 2300 MHz hingga 2390 MHz, melalui pelaksanaan hak keutamaan di bawah seksyen 174 Akta, kepada pemegang-pemegang lesen yang berikut:

Mukasurat 1 daripada 2

No.	Nama Pemegang Lesen	Jalur Frekuensi yang Diperuntukkan
1	Asiaspace Broadband Sdn Bhd (No. Syarikat: 200001006989)	2300 MHz to 2330 MHz (Semenanjung Malaysia sahaja)
2	SEA Telco Engineering Services Sdn Bhd (No. Syarikat: 200201025692)	2300 MHz to 2330 MHz (Sabah dan Sarawak sahaja)
3	YTL Communications Sdn Bhd (No. Syarikat: 200701035605)	2330 MHz to 2360 MHz
4	Webe Digital Sdn Bhd (No. Syarikat: 200201003726)	2360MHz to 2390MHz


5. Suruhanjaya hendaklah mengambil langkah-langkah segera di bawah peruntukan Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya untuk melaksanakan penguntukan spektrum seperti yang dinyatakan di perenggan 4 dalam Arahan ini.

6. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya, Suruhanjaya diarahkan selanjutnya untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) penguntukan spektrum seperti yang dinyatakan di perenggan 4 dalam Arahan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat serta keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) mengambil apa-apa langkah dan tindakan lain supaya Arahan ini dilaksanakan dengan sempurna.

7. Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuaikan, mengubah atau membatalkan Arahan ini.

Tarikh: 20 DISEMBER 2021
[KKMM.BKM(S).600-1/6/2(16)]



TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Mukasurat 2 daripada 2